**KENYATAAN DARIPADA JAKIM**
**(dipetik dari https://www.facebook.com/HabHalalJakim/)**

**Bahagian Hab Halal, JAKIM**
@HabHalalJakim · Government Official

**13 NOV 2020, 7.01pg**
**PUTRAJAYA - Penjelasan Isu Status Halal Mi Kari OLDTOWN White Coffee**

Ramai pengguna di media sosial mula menularkan video yang mendakwa Mi Kari OLDTOWN White Coffee tidak halal kerana menggunakan daging babi dalam kandungan mi kari mereka

Berdasarkan semakan pihak kami, premis makanan OLDTOWN White Coffee merupakan pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) yang sah. Perlu difahami bahawa premis makanan yang memiliki SPHM bermaksud seluruh rantaian halalnya telah disemak dan disahkan oleh pihak berautoriti.

Untuk makluman juga, pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) juga telah mengunjungi cawangan OLDTOWN White Coffee berkenaan untuk menjalankan siasatan lanjut dan mengesahkan bahawa dakwaan yang tular melalui video berkenaan adalah TIDAK BENAR.




**MEE KARI OLDTOWN HANYA MENGGUNAKAN BAHAN MAKANAN YANG DIAKUI HALAL OLEH JAKIM. BBQ AYAM ADALAH SALAH SATU DARINYA.**

Justeru, masyarakat dinasihatkan agar lebih berwaspada sebelum menyebarkan sesuatu berita atau mesej tular berkaitan isu halal yang tidak diketahui status kebenarannya dengan merujuk pihak berautoriti agar tidak terjebak ke kancah fitnah, salah faham sesama ummah dan menjejaskan keharmonian negara.

Selain itu, masyarakat pengguna juga digalakkan untuk mengutamakan produk atau premis makanan yang memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia yang sah kerana ianya dijamin halal dan toyyiban iaitu suci, bersih dan selamat serta mengikut garis panduan, standard serta perundangan berkaitan halal yang telah ditetapkan di negara ini.

Untuk mengetahui produk dan premis makanan yang memiliki Sijil Pengesahan Halal Malaysia, sila layari Portal Halal Malaysia di www.halal.gov.my. Semakan juga boleh dilakukan melalui aplikasi telefon pintar SmartHalal. http://www.smarthalal.com.my/faq.html

**Pertanyaan / Keterangan di JAKIM:**
**Web: http://www.halal.gov.my/ Tel : 03-8892 5000 (Isnin-Jumaat 8pg-5ptg)**